

13 APR 1997

Zaharah - Akaun

AKAUN : WANITA SERAH PADA MT, KATA SITI ZAHARAH

JOHOR BAHRU, 13 April (Bernama()) -- Wanita Umno menyerahkan kepada Majlis Tertinggi (MT) parti untuk menentukan tindakan berhubung akaun kewangan pergerakan itu, kata ketuanya Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman.

"Kita buat laporan dan ianya telah diambil tindakan oleh MT dan kita biarkan MT untuk mengambil tindakan yang selanjutnya," katanya kepada pemberita pada majlis Jasamu Dikenang sempena sambutan ulangtahun Umno ke-50 anjuran Wanita Umno negeri di sini.

Sambil menyifatkan perkara itu sebagai masalah dalaman parti, Zaharah berkata MT berhak untuk menjalankan siasatan.

"Sekarang ini kita tunggu laporan dari Majlis Tertinggi. Saya tak ada apa-apa komen mengenai ini," katanya.

Semalam mesyuarat MT Umno yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memutuskan agar siasatan dibuat terhadap akaun pergerakan Wanita Umno di bawah pimpinan yang lalu. Bendahari parti Tun Daim Zainuddin akan mengetuai siasatan.

Ketika ditanya mengenai dakwaan bahawa terdapat komplot dalam pergerakan itu yang cuba menjatuhkan kepimpinannya, Siti Zaharah berkata: "Wanita sekarang O.K ... kita menjalankan tugas seperti biasa dan tidak ada apa-apa masalah berkenaan dengan soal cuba menjatuhkan pemimpin".

Siti Zaharah yang juga Timbalan Menteri Kesihatan berkata Wanita Umno di setiap negeri giat menjalankan aktiviti dengan inisiatif mereka sendiri.

Terdahulu, beliau menyampaikan cederamataJasamu Dikenang kepada 20 orang pemimpin dan bekas pemimpin dari seluruh negeri Johor.

Yang turut hadir ialah Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman, Pengerusi Tetap Umno Tan Sri Sulaiman Ninam Shah, Pengerusi Tetap Wanita Umno Tan Sri Aishah Abdul Ghani dan Ketua Perhubungan Pergerakan Wanita negeri Sabariah Ahmad. -- BERNAMA

RAM MAI